

Dua duta besar menghadap Raja Perlis

um | 10-1-13 | 2911 | D1 | P5

KANGAR 9 Jan. - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid menerima menghadap dua duta besar di Istana Arau di sini, malam tadi.

Mereka ialah Duta Besar Indonesia, Herman Prayitno, dan Duta Besar Poland, Dr. Adam Waclaw Jelonek yang kini dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Perlis.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil turut berangkat.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu dan isteri Herman, Ratna Andarwaty.

Ketika di Perlis, kedua-dua duta itu melawat kawasan industri kecil di Batu Bertangkup, Taman Rimba Herba di Sungai Batu Pahat, Institut Agroteknologi Lestari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Sungai Chuchoh dan Padang Besar. - BERNAMA



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail (kanan), Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid (dua dari kanan), Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (kiri) dan Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil (dua dari kiri) gembira melihat Herman Prayitno memotong kek hari jadi ke-62 di Istana Arau, malam kdmarin.